

Tindakan tegas jika libat syarikat Malaysia

■ PUTRAJAYA 18 SEPT.

KERAJAAN akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat perladangan Malaysia jika terbabit dalam pembakaran hutan sehingga jerebu teruk melanda negara ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan tegas itu perlu bagi memastikan pihak berkenaan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap tindakan mereka.

"Kabinet hari ini ada bincang mengenai jerebu. Kita juga mahu mengambil tindakan terhadap syarikat Malaysia yang mempunyai ladang di luar negara yang menyumbang kepada jerebu hasil pembakaran estet mereka itu.

"Kita akan minta mereka ambil tindakan padamkan api. Jika syarikat Malaysia itu tidak mahu mengambil tindakan

itu, kerajaan mungkin akan gubal undang-undang supaya mereka bertanggungjawab sekiranya membuat pembakaran walaupun di luar Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan Kerangka Dasar Luar Negara Malaysia Baharu di sini hari ini.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, jerebu berlaku hampir setiap tahun dan pihak kerajaan telah mencari kaedah terbaik menangani masalah berkenaan.

Jelasnya, antara langkah diambil adalah pembenihan awan, meminta rakyat berada dalam rumah dan menutup sekolah.

"Kita perlu cari cara



DR. MAHATHIR MOHAMAD

untuk kurangkan jerebu menerusi cara kita sendiri, selain pembenihan awan, mungkin boleh sembur air di tempat tertentu untuk kurangkan jerebu," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, tiada keperluan untuk menutup seluruh sekolah sehingga Jumaat ini berikutan fenomena jerebu teruk yang melanda negara sejak minggu lalu.

Beliau menjelaskan, hal itu kerana Indeks Pencemaran Udara (IPU) diambil mengikut keadaan semasa.

"Tidak bolehlah (tutup sekolah). Kita kena tahu banyak mana (IPU bagi sesebuah kawasan). Kalau mengikut laporan pagi ini, kita semua kena pindah Kedah dan Perlis sebab sana tiada jerebu," katanya.